

# El Nino

## beransur

## reda

### ■ Pusat ramalan di Amerika Syarikat jangka kemarau berakhir Jun ini

**Kuala Lumpur**

**S**ebuah Pusat Ramalan Iklim (CPC) menjangkakan fenomena El Nino, yang menyebabkan Malaysia kini mengalami panas terik dan kemarau, berakhir Jun ini, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.

Beliau berkata, CPC Pentadbiran Lautan dan Atmosfera Nasional (NOAA) yang berpejabat di Amerika Syarikat menjangka fenomena itu tamat apabila bacaan Oceanic Nino Index (ONI) mencatat kurang daripada 0.5 darjah Celsius berbanding 2.0 darjah Celsius ketika ini.

“Impak El Nino terhadap suhu negara dijangka beransur reda apabila kekuatan El Nino semakin menurun selain peningkatan kekerapan hujan semasa musim peralihan monsun mencapai kemuncaknya pada penghujung April atau awal Mei nanti.

“Ini kerana hujan dan ribut petir terutama pada sebelah petang dan senja di negeri-negeri pantai barat dan pedalaman Semenanjung, barat Sabah dan Sarawak akan lebih kerap berlaku semasa peralihan monsun,” katanya dalam kenyataan di

sini, semalam.

Berdasarkan pencerapan terkini CPC itu, nilai ONI pada Jan-Feb-Mac lepas ialah 2.0 darjah Celsius manakala nilai ONI bagi Feb-Mac-April hanya akan diketahui setelah bacaan bagi keseluruhan April diperoleh.

Madius berkata, El Nino lemah yang mula terbentuk pada Mac tahun lalu menjadi kuat pada Ogos tahun sama apabila anomali suhu permukaan laut di timur dan tengah kawasan Khatulistiwa Lautan Pasifik yang dikenali sebagai ONI mencatatkan nilai sekurang-kurangnya 1.5 darjah Celsius.

“Kekuatan El Nino mencapai nilai tertinggi pada Disember 2015 apabila nilai ONI mencapai 2.3 darjah Celsius. Nilai ini sama dengan yang pernah berlaku pada kejadian El Nino 1997/1998,” katanya.

Kelmarin, katanya, empat kawasan di seluruh negara mencatatkan bilangan hari tanpa hujan melebihi 24 hari setakat 6 April lepas.

Kawasan terbabit ialah Seberang Perai Tengah di Pulau Pinang yang mengalami bilangan hari tanpa hujan selama 38 hari diikuti FELDA Tenggara Timur 2 di Mersing, Johor selama 30 hari. - BERNAMA